

PERUTUSAN SEMPENA SAMBUTAN HARI TANPA TEMBAKAU & SAMBUTAN BULAN RAMADHAN 2016



Dr. Manimaran Krishnan
CEO MySihat



MONTH OF BLESSING





PERUTUSAN SEMPENA SAMBUTAN HARI TANPA TEBAKAU & SAMBUTAN BULAN RAMADHAN 2016

OLEH

DR. MANIMARAN A/L KRISHNAN

CEO MYSIHAT

1.0 PENGENALAN

Hari Tanpa Tembakau disambut pada 31 Mei setiap tahun seiring dengan kandungan di dalam perjanjian *WHO Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Saban tahun, tema yang berbeza dipilih mengikut situasi semasa dan secara khusus dalam memastikan masyarakat dunia mendapat kesedaran dan melakukan tindakan dalam menangani dan mempertingkatkan kesedaran dalam isu tembakau.

2.0 HARI TANPA TEMBAKAU 2016

WHO telah memilih tema “**Get Ready for Plain Packaging**” bagi Sambutan Hari Tanpa Tembakau tahun 2016. Di negara kita, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula telah memperincikan tema tersebut iaitu “**ELAK TERPEDAYA; MEROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN**”. Menurut YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan Malaysia, tema ini sangat bersesuaian untuk menyedarkan masyarakat agar tidak terpedaya dengan bentuk fizikal, warna dan bau tembakau serta produk tembakau yang terbukti mendatangkan masalah kesihatan.

Bentuk fizikal, warna dan bau tembakau dan produk tembakau akan memberikan persepsi yang salah dan menyimpang daripada fakta sebenar kesan buruk merokok kepada kesihatan terutamanya kepada golongan remaja dan kanak-kanak.

Dianggarkan bahawa 20,000 rakyat Malaysia mati setiap tahun akibat komplikasi merokok. Sehingga kini terdapat sejumlah 5 juta perokok di Malaysia di mana golongan lelaki adalah yang tertinggi (43%), manakala golongan wanita telah menunjukkan peningkatan (1% pada tahun 2011 kepada 1.4% pada tahun 2015).

Menjelang tahun 2020, semua negeri termasuk Wilayah Persekutuan akan melaksanakan negeri Bebas Asap Rokok dan seterusnya menuju ke penghujung permainan atau “End Game of Tobacco” iaitu prevalen kurang dari 5% pada tahun 2045. MySihat menyokong penuh usaha KKM ini dengan menggiatkan Kempen “Blue Ribbon” dan kawasan Bebas Asap Rokok. Seperti sedia maklum, Kempen “Blue Ribbon” diperkenalkan oleh MySihat untuk mengiktiraf dan memberi penghormatan kepada individu & organisasi yang telah memberi sumbangan penting dalam usaha untuk melindungi orang awam daripada bahaya asap rokok melalui usaha advokasi kearah mewujudkan 100% kawasan bebas asap rokok.

Tahun 2015 telah menunjukkan lonjakan besar dalam bilangan premis yang diiktiraf sebagai Bebas Asap Rokok. Peningkatan sebanyak 30.5 peratus melibatkan sektor awam, swasta, perniagaan, taman rekreasi dan milik persendirian berbanding 24 premis sahaja pada tahun 2014. Butiran penuh penerima adalah seperti berikut:

- 1. Anugerah PENSIJILAN Blue Ribbon (79 Premis);**
- 2. Anugerah MEDIA Blue Ribbon (7 pemenang); dan**
- 3. Anugerah PENCAPAIAN CEMERLANG Blue Ribbon (tiga pemenang).**

Majlis Anugerah & Pengiktirafan Kempen “Blue Ribbon” 2015 ini telah dilancarkan oleh **Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia** di Dewan Harmoni, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri Presint 3, Putrajaya pada 3 Jun 2016.

MESEJ MYSIHAT KEPADA RAKAN – RAKAN NGO

Saya menyeru supaya semua rakan NGO agar berganding bahu bersama-sama KKM dan MySihat dalam menjayakan sambutan Hari Tanpa Tembakau 2016 ini.

MySihat sentiasa komited dalam memaju dan membangunkan keupayaan pertubuhan terutamanya NGO untuk berada di barisan hadapan dalam mengekang penularan penyakit-penyakit tidak berjangkit dengan menggalakkan amalan gaya hidup sihat. Sesungguhnya kempen-kempen dan aktiviti penguatkuasaan bebas asap rokok/ tembakau tidak akan berkurangan sekiranya usaha yang serius dan bersepadu tidak dilaksanakan secara sinergi antara sektor awam, swasta, NGO dan komuniti.

Oleh yang demikian, sempena sambutan Hari Tanpa Tembakau & kedatangan bulan Ramadhan 2016, saya menyeru seluruh NGO agar bersama-sama MySihat dalam berganding bahu dengan KKM serta pelbagai organisasi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai persekitaran 100% bebas asap rokok demi kepentingan generasi yang akan datang.

Ambillah peluang ibadah puasa kali ini untuk mentarbiyahkan diri untuk berhenti daripada tabiat buruk merokok yang sememangnya telah diharamkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada 23 Mac 1995. Merokok bukan sahaja telah terbukti memberi banyak kesan buruk kepada kesihatan diri malah juga kepada perokok pasif khususnya kepada kanak-kanak melalui asap rokok.

Saya ingin menyeru sekali lagi kepada seluruh masyarakat yang masih merokok supaya mengambil kesempatan pada bulan Ramadhan yang penuh kemuliaan ini sebagai titik tolak bermula 'Nafas Baru' untuk berhenti merokok buat selamanya.

Selamat Menyambut Hari Hari Tanpa Tembakau & Selamat Menyambut Bulan Ramadhan 2016

“ELAK TERPEDAYA; MEROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN”

Sekian.

Dr. Manimaran A/L Krishnan

**Ketua Pegawai Eksekutif
MySihat**

